

# **MAKNA UJARAN IMPLISIT DALAM VLOG MAT LUTHFI: ANALISIS TEORI RELEVANS**

**(*The Meaning of Implicit Utterance in Mat Luthfi's Vlog: Relevance Theory Analysis*)**

*Julaina Nopiah\**

julainanopiah@iium.edu.my

*Nur Maizatul Maisarah Nasrong*

iammai130896@gmail.com

Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan,  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 4 Disember 2020

Sila rujuk: Julaina Nopiah dan Nur Maizatul Maisarah Nasrong. (2020). Makna Ujaran Implisit dalam Vlog Mat Luthfi: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 203–230

## **Abstrak**

Kajian ini memfokuskan penelitian terhadap makna ujaran implisit yang terdapat dalam Vlog Mat Luthfi. Kajian kualitatif ini menggunakan analisis dokumen berpandukan teori relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson dalam bidang linguistik disiplin pragmatik. Teori ini menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Teori ini menegaskan bahawa tiga konsep ini penting dalam penginterpretasian makna. Data kajian merupakan dialog yang berbaur unsur implisit yang diujarkan oleh watak dalam beberapa video Mat Luthfi. Data yang telah dikenal pasti melalui proses transkripsi dan seterusnya dianalisis berdasarkan TR. Kajian ini turut menggunakan kaedah kepustakaan untuk menerokai ujaran implisit dan TR dengan lebih lanjut. Dapatkan kajian mendapat bahawa terdapat sepuluh ujaran dalam vlog mengandungi unsur implisit. Ujaran yang mengandungi unsur implisit menunjukkan bahawa penutur mempunyai mesej tertentu yang ingin disampaikan kepada pendengar. Kajian ini menjelaskan bahawa ujaran yang digunakan oleh masyarakat Melayu boleh membawa pelbagai

maksud, bukan sekadar makna literal untuk difahami dan ditafsirkan akan ujaran tersebut. Maka, pentafsiran makna sesebuah ujaran itu menjadi lebih mudah diinterpretasi dengan kehadiran TR.

Kata kunci: Vlog Melayu, Teori Relevans, pragmatik, unsur implisit, interpretasi

*Abstract*

*This study researches the meanings of implicit utterances in Mat Luthfi's vlog. This qualitative study employs relevance theory, a linguistics-based theory proposed by Sperber and Wilson drawn from the discipline of pragmatics. This theory foregrounds three main concepts comprising the role of context, cognitive effects and processing efforts. The research data consists of implicit dialogue uttered by characters in the video. Data were identified, transcribed, and subsequently analysed based on Relevance Theory. Library research was also used to further explore the implicit and Relevance Theory-based expressions. The findings show that there are ten utterances in the vlogs with implicit elements. These in turn indicate that the speaker wished to convey specific messages to listeners. This study explains that in the Malay community, utterings are various in meaning and are not merely confined to their literal meanings for correct understanding and interpretation. Hence, the meaning of an utterance is more easily understood when interpreted using the Relevance Theory.*

*Keywords:* *Malay vlogs, Relevance Theory, pragmatics, implicit element, interpretation*

## PENDAHULUAN

Kewujudan rangkaian internet mencetuskan masyarakat moden yang cenderung menggunakan perisian dan aplikasi yang terdapat di internet untuk berkomunikasi, menyampaikan idea atau pendapat serta sebagai alat informasi dan hiburan. Kesan daripada perkembangan internet ini, dapat dilihat pelbagai fenomena yang menjadi ikutan masyarakat moden dengan kemunculan aktiviti *blogging*, iaitu penulisan personal yang menceritakan pengalaman, hujah tentang sesuatu isu dan pelbagai penulisan kreatif dalam platform milik individu berkenaan. Hal ini turut melahirkan masyarakat yang kreatif, yakin dan bijak mengolah idea yang

mampu mengubah pandangan seseorang terhadap sesuatu isu melalui pendapat yang dikemukakan menerusi aktiviti *blogging*. Manusia menjadi semakin hebat dalam daya cipta menyebabkan wujud trend seterusnya, iaitu *vlogging*. Fungsi *vlogging* sama seperti *blogging*, iaitu menjelaskan pengalaman dan idea, namun *vlogging* lebih kompleks kerana memerlukan aktiviti perekodan dalam bentuk video untuk menghasilkan sesuatu vlog. Vlog merupakan gabungan daripada perkataan video dan blog ataupun VideoLog. Vlog merupakan video pendek yang direkodkan oleh individu tentang pandangan, pendapat dan pengalaman yang dilalui mereka yang kemudiannya diceritakan dalam bentuk video dan seterusnya dikongsikan dalam laman web peribadi atau akaun sosial. Vlog mengandungi audio, imej visual, dan teks sokongan. Individu yang menghasilkan vlog dikenali sebagai *vlogger*.

Penghasilan vlog semakin popular dalam kalangan masyarakat Melayu pada era moden kini. Kewujudan telefon pintar bersama-sama dengan jalur lebar yang boleh diakses oleh masyarakat tidak mengira usia, status dan gender memudahkan proses menghasilkan dan menonton vlog. Penghasilan vlog berkembang dalam kalangan masyarakat Melayu dengan video yang dimuat naik menerusi YouTube oleh Mat Luthfi, Anwar Hadi dan Nabil Ifwat (Kyopropaganda) sekitar tahun 2009–2011. Ketigatiga selebriti Youtuber ini merupakan anak kelahiran Kedah serta banyak menghasilkan video menggunakan dialek Kedah. Mat Luthfi dan Anwar Hadi dilihat lebih cenderung mengetengahkan konsep *vlogging*, manakala Nabil Ifwat pula lebih dikenali dengan penghasilan video yang berbentuk parodi. Vlog yang pada awalnya dihasilkan dengan tujuan sekadar ingin mencuba dan sebagai hiburan. Vlog mendapat sambutan hangat daripada para pengguna internet sehingga berlakunya pembuatan video yang menerapkan mesej sosial berbentuk klip cerita pendek. Vlog yang dihasilkan oleh Mat Luthfi memuatkan ujaran yang mempunyai makna tersembunyi yang menarik minat pengkaji untuk memilih video yang dimuat naik di vlog peribadi beliau dalam YouTube. Video yang dihasilkan beliau pernah menjadi topik hangat yang dibincangkan oleh penonton kerana kandungan video tersebut dikatakan mempunyai mesej tersirat. Sebagai contoh, video “Nama Pun Sampah” yang dihasilkan oleh Mat Luthfi (2011) cuba menyampaikan mesej berbentuk sindiran melalui ungkapan “Tak payah jadi macam ketam ajar anak ketam jalan *straight*” kepada individu yang suka menasihati orang lain supaya tidak melakukan kesalahan, sedangkan dirinya sendiri melakukan kesalahan yang sama.

Begitu juga dengan video yang bertajuk “Beruang Duit” yang dihasilkan oleh Anwar Hadi pada tahun 2010. Video yang berbentuk muhasabah diri ini telah menyentuh perihal masyarakat yang lebih gemar berbelanja untuk sesuatu yang disukai seperti makanan, baju dan kasut walaupun harganya sangat mahal, tetapi berkira pula untuk tujuan yang baik seperti sumbangan kebajikan dan membeli buku akademik. Aiman Azlan pula merupakan seorang lagi *vlogger* yang banyak berdakwah dan mengupas topik tertentu dalam konsep islamik. Antara video yang dihasilkannya ialah “Quran di Hatiku”, “Hikma: The Key to Dakwah” dan “The Best Way to Explain Islam”.

Penelitian terhadap kajian lepas berkaitan dengan kajian makna banyak difokuskan kepada puisi, metafora dan kiasan Melayu. Contohnya, kajian yang dilakukan oleh Mary Fatimah dan Nor Hashimah (2014) yang bertajuk “Mengalami dan Menghayati Makna Kemiskinan melalui Bahasa’. Kajian ini meletakkan sembilan baris dalam sajak “Selembar Kamus Kemiskinan” karya Usman Awang (UA) sebagai ironi dan dianalisis dengan Teori Relevans dalam mencari makna yang dihajati. Kajian yang dilakukan oleh Nur Afiqah dan Nor Hashimah (2016) pula dilihat telah menghuraikan makna implisit dan makna implisit kompleks bahasa kiasan khususnya peribahasa dan kaitannya dengan akal budi Melayu. Seterusnya, Mary Fatimah (2018) pula cuba mencungkil bahasa metafora dan menganalisis gaya bahasa untuk mencari makna sebenar dalam kajiannya yang bertajuk “Analisis Teori Relevans dalam Metafora”. Kajian Maizura dan Nor Hashimah (2020) yang bertajuk Pengabsahan Mitos Kegagahan Badang Melalui Metafora: Analisis Teori Relevans”. Dalam kajian ini, penyelidik telah membuat analisis makna metafora yang disampaikan oleh pengarang Melayu tradisional melalui kisah mitos kegagahan badang. Satu lagi kajian yang dilakukan oleh penyelidik yang sama, iaitu, Maizura dan Nor Hashimah (2018) pula telah memfokuskan kajian terhadap metafora kritikan yang disampaikan oleh pengarang tradisional terhadap sikap kepimpinan raja melalui mitos Puteri Gunung Ledang. Menyedari hal ini, pengkaji berpendapat kajian makna implisit tidak seharusnya dilihat terhadap metafora dan kiasan Melayu sahaja, tetapi dilihat dari segi ujaran yang dikemukakan menerusi dialog yang diungkapkan ketika berkomunikasi. Oleh itu, pengkaji berhasrat untuk melihat ilmu pragmatik yang melibatkan implikatur yang disampaikan oleh *youtuber* Melayu menerusi video pendek yang dimuatkan di Youtube.

Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memilih beberapa video Mat Luthfi yang mengandungi ujaran implisit untuk melandasai kajian ini.

Nama penuh Mat Luthfi ialah Muhammad Luthfi bin Rohime. Beliau mula berjinak-jinak menghasilkan video sekitar tahun 2009 dan kemudiannya menjadi personaliti media sosial serta seterusnya menjadi pengarah pada 2018 menerusi filem “Sekolahaha” terbitan Skop Productions. Beliau juga telah menghasilkan empat buah buku bertajuk *Catatan Matluthfi* (2014), *Momen2 Matluthfi* (2015), *Kisah 25 Filsuf Barat* (2016) dan *Alegori Rumah Api* (2017) yang diterbitkan oleh PTS Media Group. Beliau pernah menerima pelbagai anugerah sepanjang beliau menceburi bidang hiburan seperti Anugerah Shout 2012, Anugerah Shout 2013, Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2013 dan Selebriti Media Sosial Pilihan Online serta dicalonkan dalam Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2016 sebagai Personaliti Media Sosial. Video yang dihasilkannya mengandungi ujaran yang mempunyai makna tersembunyi daripada pengucap kepada audiens. Vlog Mat Luthfi ini juga dikatakan mempunyai nilai sosial yang ingin disampaikan oleh beliau kepada penonton. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti ujaran dialog yang mengandungi unsur implisit, menganalisis penggunaan unsur implisit tersebut menggunakan Teori Relevans (TR) dan seterusnya menghuraikan mesej tersirat dalam vlog yang ingin disampaikan oleh Mat Luthfi kepada audiens. Bersandarkan TR yang digunakan untuk menginterpretasikan ujaran yang mengandungi makna tersirat, diharap dapat membantu pengkaji dalam menghasilkan sebuah kajian pragmatik yang berguna dan boleh dimanfaatkan oleh ahli pragmatik dan bakal pengkaji bahasa Melayu pada masa hadapan.

## KERANGKA TEORI

Kajian ini menggunakan TR yang diperkenalkan oleh Sperber, saintis kognitif yang berasal dari Perancis dan Deirdre Wilson, saintis kognitif yang berasal dari British. Teori pragmatik yang dibentuk oleh Sperber dan Wilson, iaitu TR diperkenalkan pada tahun 1986 dan kemudiannya diperkemas pada 1995. Menurut Blakemore (1992), TR boleh dianggap sebagai ikhtiar mereka untuk membangunkan pemahaman asas maksim Grice. Mereka berpendapat bahawa formula kepada penjelasan komunikasi manusia terletak pada tanggapan yang relevan, iaitu suatu tanggapan yang didasarkan pada pandangan umum tentang kognisi manusia. Tujuan utama teori ini adalah untuk menghuraikan sifat proses mental manusia ketika

menginterpretasi ujaran ataupun maklumat. Kerelevan sesuatu ujaran dan pengetahuan bahawa sesuatu ujaran itu relevan bergantung pada kesan konteks atau kesan kognitif dan usaha memproses maklumat. Sperber dan Wilson (1986; 1995) menjelaskan bahawa semakin tinggi atau banyak kesan konteks atau kesan kognitif yang dapat dihasilkan, semakin relevan sesuatu ujaran atau maklumat itu. Hal ini berbeza dengan kos pemprosesan maklumat kerana semakin rendah usaha memproses ujaran atau maklumat, maka semakin relevanlah ujaran atau maklumat yang diperoleh tersebut. Terdapat tiga elemen penting yang menjadi gagasan utama dan perlu ditekankan dalam TR, iaitu konteks, kesan konteks (kognitif) dan usaha memproses ketika menghuraikan makna sesuatu ujaran.

Konteks merupakan satu set andaian yang dimanfatkan dalam menghuraikan ujaran atau maklumat yang diberikan oleh penutur. Konteks merangkumi andaian tentang dunia yang dihasilkan secara psikologi oleh pendengar. Konteks bukan sekadar maklumat berkenaan persekitaran fizikal yang paling hampir, ujaran terdahulu dan catatan ensiklopedia yang tersimpan dalam memori seseorang yang dirujuk apabila kata-kata itu timbul dalam pertuturan tetapi boleh juga merangkumi masa depan, hipotesis saintifik, kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian umum tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran penutur. Kesemuanya memainkan peranan dalam penginterpretasian ujaran (Nor Hashimah, 2003). Persekutaran fizikal paling dekat yang dimaksudkan ialah perkara yang terjadi dalam persekitaran manusia dapat membantu untuk mengembangkan konteks. Ujaran yang terdahulu pula membawa maksud bahawa manusia tidak akan menggunakan ayat tunggal, tetapi kesatuan atau wacana ketika menyampaikan pesanan. Hal ini memudahkan urusan pendengar untuk mentafsirkan makna ujaran yang disampaikan. Seterusnya, cara pengembangan konteks yang merujuk catatan ensiklopedia bermaksud kata yang pernah dialami dalam hidup dan tersimpan dalam memori jangka pendek sekiranya tidak digunakan. Perkataan tersebut disimpan dalam catatan ensiklopedia dan membantu proses pengembangan konteks kemudiannya.

Kesan konteks atau kesan kognitif merupakan andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar. Kerelevan sesuatu ujaran bergantung pada kesan konteks. Kesan konteks yang lebih tinggi membuatkan sesuatu ujaran itu lebih relevan. Wujudnya kesan konteks apabila andaian awal si pendengar berjaya digabungkan, dikukuhkan atau digugurkan dengan konteks sesuatu ujaran.

Penggabungan maklumat terjadi sekiranya pendengar menggabungkan andaian awal pendengar dengan maklumat baharu bagi menghasilkan kesan konteks yang dapat memproses mesej dengan mudah. Seterusnya, penguatan atau pengukuhan maklumat merupakan proses meneguhkan andaian awal dengan maklumat baharu yang diujarkan oleh penutur. Selain itu, pengguguran maklumat berlaku apabila percanggahan andaian awal pendengar dengan maklumat baharu penutur. Andaian yang tiada potensi dan dianggap lemah antara kedua-dua maklumat ini akan dibuang.

Kos proses ialah usaha memproses informasi oleh audiens. Nor Hashimah (2007) menjelaskan usaha memproses ialah usaha yang terbabit dalam penginterpretasian makna ujaran. Dalam usaha memproses maklumat atau ujaran, pendengar atau audiens perlu mencapai interpretasi yang relevan secara optimum. Relevan secara optimum membawa maksud pendengar memproses rangsangan luaran atau gambaran dalaman yang merupakan input kepada prosedur kognitif yang berkemungkinan relevan pada sesuatu masa yang tertentu.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pengkaji menggunakan tiga kaedah untuk melaksanakan kajian ini, iaitu kaedah kepustakaan, analisis kandungan dan transkripsi. Kaedah kajian dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisisan data.

Video Mat Luthfi dianalisis secara jelas dan terperinci menggunakan penginterpretasian TR. Dialog yang diujarkan oleh watak dalam video ditranskripsikan untuk memudahkan lagi proses mentafsirkan ujaran. Hal ini dilakukan untuk memperoleh ujaran implisit yang disampaikan oleh watak yang terdapat dalam vlog tersebut dan melihat sejauh mana mesej tersebut dapat disampaikan kepada pendengar atau penonton. Dialog yang berpotensi mengandungi ujaran implisit kemudiannya ditafsirkan menggunakan TR.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Dalam ruangan analisis dan perbincangan, pengkaji akan mengemukakan eksplikatur dan makna linguistik bagi setiap data yang seterusnya dianalisis menggunakan TR dan dijelaskan melalui kod, inferens dan set andaian. Pengkaji turut menjelaskan mesej tersirat yang ingin disampaikan oleh penghasil vlog kepada audiens menerusi vlog yang dipilih.

**Data 1: Analisis TR dalam vlog “typical local film/drama scenes”**

Pemuda:	Tok, saya datang ni ada hajat.
Bomoh:	Tak payah cakap, aku tahu mesti hang nak pedajal orang punya.
Pemuda:	Ehh! Camna tok tahu, pandai tok teka noh.
Bomoh:	Aku tahu lah, <b>jenis muka tak sembahyang</b> .
Pemuda:	Amboi tok, tuduh orang berdosa kot.
Bomoh:	Ohh, <b>reti dosa, ingat tak reti</b> .

*Typical local film/drama scenes (2011)*

Minit 02:33

**Rajah 1** (Data 1) Dialog antara pemuda dan bomoh.

Yang berikut merupakan dialog yang mengandungi unsur implisit antara pemuda dan bomoh dalam vlog Mat Luthfi yang bertajuk “Typical Local Film/Drama Scenes”. Video pendek yang dihasilkan oleh Mat Luthfi ini menerangkan tentang plot filem Melayu yang dikatakan klise kerana hampir keseluruhan drama Melayu mengandungi jalan cerita yang sama. Sebagai contoh, babak usahawan yang hampir muflis terpaksa mengahwinkan anaknya dengan usahawan lain bagi mengelakkan syarikatnya daripada gulung tikar, cinta antara dua insan yang terhalang kerana mendapat tentangan daripada ibu dan bapa serta masyarakat Melayu yang suka melakukan perbuatan sihir seperti berjumpa dengan bomoh. Penonton drama Melayu kini berasa bosan dan muak dengan sketsa sebegini. Namun begitu, Mat Luthfi berjaya menerapkan unsur komedi dalam video untuk menarik minat audiens dan juga menggunakan ujaran tak langsung atau tersirat. Dengan menonjolkan elemen kemelayuan yang bertutur secara berlapik, pengkaji telah mendedahkan nilai dan pengajaran yang terkandung dalam vlog yang sewajarnya dijadikan pedoman masyarakat.

**Jadual 1** (Data 1) Makna linguistik “jenis muka tak sembahyang”.

Eksplikatur	Makna Linguistik
Jenis muka tak sembahyang	Jenis – golongan benda yang mempunyai sifat-sifat yang sama

Eksplikatur	Makna Linguistik
Jenis muka tak sembahyang	<p>Muka – bahagian hadapan kepala (dr kaki rambut sampai ke dagu), rupa muka, wajah, paras</p> <p>Jenis – golongan benda yang mempunyai sifat-sifat yang sama</p> <p>Muka – bahagian hadapan kepala (dr kaki rambut sampai ke dagu), rupa muka, wajah, paras</p> <p>Tak – singkatan bagi tidak (digunakan untuk menyatakan bukan)</p> <p>Sembahyang – perbuatan menyembah Allah, solat</p>

*Kamus Dewan Edisi Keempat*

[Sumber: Adaptasi daripada kajian Mary Fatimah Subet (2018)]

Berdasarkan Jadual 1 (Data 1), eksplikatur yang ditentukan, ialah ujaran “jenis muka tak sembahyang”. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 625), maksud “jenis”, ialah golongan benda yang mempunyai sifat-sifat sama. Berdasarkan ujaran tersebut, “jenis” yang dimaksudkan membawa makna golongan yang mempunyai sifat yang serupa. Secara literalnya, “muka” didefinisikan sebagai bahagian hadapan kepala (dari kaki rambut sampai ke dagu), rupa muka, wajah dan paras menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 050). Sementara itu, leksikal “tak” menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 1574) ialah singkatan bagi tidak. Maksud “sembahyang” seperti yang dinyatakan dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 1435) ialah perbuatan menyembah Allah ataupun solat. “Sembahyang” dilihat dari sudut agama Islam kerana watak yang digambarkan dalam video pendek Mat Luthfi ini merupakan orang Melayu yang beragama Islam. Maka, sembahyang yang dimaksudkan, ialah melakukan ibadah solat fardu. Secara harfiahnya, penerangan dari leksikal bagi ujaran “jenis muka tak sembahyang” membawa maksud jenis wajah yang tidak solat. Ujaran ini merupakan sindiran yang tajam kepada pendengarnya.

**Jadual 2** (Data 1) Makna linguistik “Reti dosa, ingat tak reti”.

Eksplikatur	Makna Linguistik
Reti dosa, ingat tak reti	<p>Reti – mengerti, tahu  Dosa – perbuatan melanggar hukum Tuhan atau agama  Tak – singkatan bagi tidak (digunakan untuk menyatakan bukan)  Ingat – masih ada dalam fikiran, tidak lupa, timbul lagi dalam fikiran, tahu, sedar</p> <p style="text-align: right;"><i>Kamus Dewan Edisi Keempat</i></p>

Berdasarkan Jadual 2 (Data 1), ujaran “reti dosa, ingat tak reti” merupakan eksplikatur yang dipilih oleh pengkaji. Leksikal “reti” yang dijelaskan dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 1326) membawa maksud mengerti atau tahu. Perkataan reti ini menjadi kegunaan harian ketika berbual bagi masyarakat kampung. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 363), makna bagi kata “dosa” ialah perbuatan melanggar hukum Tuhan atau agama. Seterusnya, kata “tak” merupakan singkatan bagi tidak menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 1574). Maksud “ingat” bagi *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 577) membawa makna masih ada dalam fikiran, tidak lupa, timbul lagi dalam fikiran, tahu dan sedar. Zulkifley Hamid (1991) mengatakan bahawa pentafsiran makna harus melibatkan aspek bukan linguistik di samping aspek linguistik. Maka, analisis TR dilakukan untuk melihat makna implisit bagi ujaran tersebut.

Dalam analisis TR, kod ditentukan, inferens dibuat dan set andaian dikemukakan dan seterusnya andaian yang paling relevan ditentukan. Beberapa andaian akan dihasilkan oleh audiens. Andaian dibina dan seterusnya diproses sebagai permulaan interpretasi. Berdasarkan set andaian yang dikemukakan bagi ujaran “jenis muka tak sembahyang”, maksud sebenar yang hendak disampaikan ialah sindiran kerana orang yang berjumpa dengan bomoh merupakan orang jahil dan sudah pastinya

**Jadual 3** (Data 1) Analisis TR “Jenis muka tak sembahyang” dan “reti dosa, ingat tak reti”.

Analisis TR		
Kod	Inferens	Andaian
Sembahyang	Sindiran kerana berjumpa bomoh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melanggar perintah Tuhan</li> <li>2. Tidak mengamalkan farduan secara sempurna</li> <li>3. Orang yang jahil dan mengamalkan perbuatan syirik tidak menunaikan ibadah solat</li> </ol>
Dosa	Mencemuh pemuda yang mengetahui akan perbuatan yang berdosa atau tidak berdosa tetapi masih melakukannya	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melakukan larangan yang ditetapkan agama</li> <li>2. Melanggar nilai moral</li> <li>3. Tuduhan ke atas seseorang</li> <li>4. Menyindir seseorang yang sedar akan perbuatan yang dilakukan itu betul atau salah dari sisi agama</li> </ol>

[Sumber: Adaptasi daripada kajian Mary Fatimah Subet & Nor Hashimah (2014)]

tidak melakukan ibadah solat. Perkara ini tidak dinyatakan secara langsung oleh bomoh kepada pemuda tersebut. Daripada andaian-andaian yang dibina ini, kajian ini berpendapat bahawa andaian (3), iaitu orang yang jahil dan mengamalkan perbuatan syirik tidak menunaikan ibadah solat merupakan andaian yang paling relevan. Kerelevanan andaian (3) sebagai makna yang sebenar dapat dibuktikan melalui maklumat tambahan atau hasil pengembangan konteks pemula ujaran ini.

Konteks pemula ujaran ini sangat jelas, iaitu melibatkan seorang pemuda beragama Islam yang berjumpa dengan bomoh bagi memenuhi hajat yang ingin dikecapi. Konteks juga bukan sekadar maklumat

berkenaan persekitaran fizikal yang paling hampir, ujaran terdahulu dan catatan ensiklopedia yang tersimpan dalam memori seseorang yang dirujuk apabila kata-kata itu timbul dalam ujaran tetapi boleh juga melibatkan masa hadapan, hipotesis saintifik, kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian umum tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran penutur. Melalui kepercayaan catatan ensiklopedia melibatkan kepercayaan keagamaan, sekiranya seseorang itu menemui bomoh, secara tidak langsung, audiens akan membayangkan bahawa seseorang itu tidak solat. Hal ini kerana pendidikan Islam yang diterima oleh kebanyakan masyarakat Melayu Islam yang disampaikan sejak kecil oleh guru agama dan juga menerusi ceramah agama di televisyen bahawa orang yang bermain dengan ilmu hitam tidak boleh menunaikan ibadah solat kerana ilmu itu akan terhapus. Perbuatan berjumpa dukun untuk mendapatkan pertolongan daripada makhluk ghaib juga bercanggah dengan hukum Islam kerana perbuatan ini dianggap syirik. Oleh itu, berdasarkan kepada penggabungan konteks dan maklumat kepercayaan keagamaan atau ensiklopedia audiens, kesan konteks yang tinggi dapat dihasilkan.

Usaha memproses maksud ujaran “jenis muka tak sembahyang” dianggap rendah kerana mudah difahami. Kos memproses yang rendah diperlukan berdasarkan pengetahuan yang sedia ada dan konteks yang berada dalam lingkungan unsur ini. Hal ini seajar dengan TR yang beranggapan bahawa semakin rendah usaha memproses, maka semakin tinggilah kesahan ujaran itu.

Seterusnya, bagi ujaran “reti dosa, ingat tak reti”, set andaian berdasarkan Jadual 3 (Data 1) adalah menunjukkan ujaran yang akan dihasilkan dalam minda audiens. Menurut Muhammad Fauzi Jumingan (2004), set andaian ini akan diproses secara psikologi. Operasi psikologi ini kemudiannya menghasilkan kesan konteks yang paling relevan dengan konteks asal. Wujudnya kesan konteks apabila andaian awal si pendengar berjaya dikukuhkan atau digugurkan dengan konteks sesuatu ujaran.

Ujaran terdahulu “Amboi tok, tuduh orang, berdosa kot” telah memperkuuh andaian bahawa pemuda tersebut sedar akan sesuatu perkara itu sekiranya baik atau buruk. Malahan, agama Islam telah mengajar penganutnya supaya tidak melakukan perbuatan menuduh ataupun fitnah. Oleh hal yang demikian, bomoh tersebut menyindir pemuda tersebut yang sedar akan sesuatu perbuatan itu haram dari segi agama tetapi masih melakukannya seperti menuduh dan berjumpa bomoh.

Andaian yang paling relevan akan dipilih oleh audiens manakala andaian yang tidak kukuh akan dibuang. Pengguguran andaian ini membantu kos pemprosesan maklumat audiens bagi mendapatkan maklumat yang lebih relevan. Maka, andaian (1) melakukan larangan yang ditetapkan agama, andaian (2) melanggar nilai moral dan andaian (3) tuduhan terhadap seseorang digugurkan. Andaian (1) dan (2) digugurkan kerana tidak sesuai dengan konteks ujaran manakala andaian (3) digugurkan kerana lemah. Jadi, andaian (4) iaitu, menyindir seseorang yang sedar akan perbuatan yang dilakukan itu betul atau salah dari sisi agama merupakan andaian yang paling relevan. Maksud sebenar bagi dialog “reti dosa, ingat tak reti” merupakan cemuhan daripada bomoh kepada pemuda yang masih melakukan perbuatan yang dilarang walhal sedar akan sesuatu perbuatan itu berdosa atau tidak dari sudut agama Islam. Inferens yang diperoleh juga telah menunjukkan kesan kognitif dan konteks yang ketara yang secara automatiknya mengurangkan usaha memproses yang diperlukan.

Penghasil video turut menyampaikan kritikannya melalui vlog ini. Beliau menyentuh isu yang sering diperkatakan masyarakat tentang umat Islam yang masih melakukan perbuatan syirik walhal perbuatan tersebut merupakan dosa di sisi agama. Oleh hal yang demikian, dialog yang diujarkan oleh watak dalam vlog “Typical Local Film/Drama Scenes” banyak berunsurkan sindiran, kerana pembuat vlog mengutuk orang Islam yang berjumpa dukun bagi mencapai matlamat yang ingin dihajati. Beliau juga berharap agar umat Islam menjadi penganut agama Islam yang mengamalkan amalan yang bersesuaian dengan konsep amar makruf nahi mungkar.

## Data 2: Analisis TR dalam vlog “Soalan Ramalan Pasca-SPM”

- |       |  |
|-------|--|
| Mak:  | <i>Mummy</i> dah buat macam-macam dah. <i>Mummy</i> dah bagi air yasin, kismis nabi, tapi <b>kau ni tak juga berjaya</b> . Kau tahu tak syurga tu terletak bawah tapak kaki ibu. |
| Anak: | Tahu   |
| Mak:  | Kau tahu tak seorang anak itu perlukan redha seorang ibu untuk masuk syurga?   |
| Anak: | Ya, tahu, tapi apa kaitannya?  |

Mak: Macam mana nak masuk syurga? *Mummy* tak redha dengan keputusan yang macamtu.

*Soalan Ramalan Pasca-SPM (2013)*  
Minit 01:30

**Rajah 2** (Data 2) Dialog antara ibu dan anak.

Rajah 2 (Data 2) merupakan dialog yang berpotensi mengandungi ujaran implisit antara ibu dan anaknya. Dalam vlog Mat Luthfi bertajuk “Soalan Ramalan Pasca-SPM”. Video yang dihasilkan ini menerangkan tentang situasi yang sering dihadapi oleh para pelajar sekolah yang menduduki ujian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) selepas mendapat keputusan peperiksaan. Pelbagai situasi yang perlu dihadapi oleh anak-anak setelah menunjukkan keputusan SPM kepada keluarga mereka seperti ibu bapa yang bangga dengan keputusan cemerlang anak dan ibu bapa yang marah dan kecewa dengan keputusan yang diperoleh oleh anak-anak mereka. Oleh hal yang demikian, Mat Luthfi menghasilkan sebuah video yang memuatkan situasi yang dihadapi oleh pelajar lepasan SPM di samping menerapkan pesanan atau mesej moral melalui video yang dihasilkannya.

**Jadual 4** (Data 2) Makna linguistik “kau ni tak juga berjaya”.

Eksplikatur	Makna Linguistik
Kau ni tak juga berjaya	Kau – singkatan bagi engkau Ni – singkatan bagi ini Tak – singkatan bagi tidak (digunakan untuk menyatakan bukan) Juga – digunakan untuk menyatakan keadaan yang sama atau serupa Berjaya – berhasil, beroleh kemenangan, mencapai kemajuan

*Kamus Dewan Edisi Keempat*

Berdasarkan Jadual 4 (Data 2), eksplikatur yang ditetapkan, ialah ujaran “kau ni tak juga berjaya”. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 688), maksud “kau”, ialah singkatan bagi *engkau*. *Engkau* merupakan kata ganti nama diri kedua. Sesetengah orang beranggapan bahawa “kau” kedengaran agak kasar dan digunakan oleh orang yang sama taraf. “Ni” pula merupakan singkatan bagi *ini* seperti yang tertera dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 1079). *Ini* merupakan kata petunjuk untuk benda dan sering digunakan untuk menunjuk sesuatu objek bernyawa atau tidak bernyawa. Sementara itu, perkataan “tak” menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 1574) merupakan singkatan bagi *tidak*. Perkataan “juga” seperti yang dinyatakan dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013 p. 640), digunakan untuk menyatakan keadaan yang sama atau serupa. Maksud “berjaya” menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 616) ialah, berhasil, beroleh kemenangan dan mencapai kemajuan. Secara literalnya, penerangan bagi ujaran “kau ni tak juga berjaya” membawa maksud engkau ini pun tidak beroleh kemenangan. Namun begitu, penerangan makna literal sahaja tidak mampu menjelaskan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur. Jenny Thomas (1995) mengatakan bahawa rujukan konteks penting untuk mengerti maksud ayat selain aspek pentafsiran literal dilakukan.

**Jadual 5** (Data 2) Analisis TR “kau ni tak juga berjaya”.

Analisis TR		
Kod	Inferens	Andaian
Berjaya	Kekecewaan ibu kerana anak gagal mencapai apa yang diharapkan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Memarahi seseorang kerana gagal dalam kehidupan</li> <li>Memarahi seseorang kerana gagal sebagai seorang manusia</li> <li>Mengeluh kerana kegagalan seseorang dalam mencapai matlamat</li> </ol>

[Sumber: Adaptasi daripada kajian Mary Fatimah Subet & Nor Hashimah (2014)]

Berdasarkan Jadual 5 (Data 2) dan melihat kepada analisis TR di atas, kajian mendapati makna implisit yang ingin disampaikan oleh penutur melalui ujaran “kau ni tak juga berjaya” ialah keluhan dan kekecewaan penutur kepada pendengar kerana gagal mencapai apa-apa yang diingini. Melihat kepada situasi, ujaran yang diujarkan berlaku antara ibu dan anaknya setelah anaknya menunjukkan keputusan SPM yang tidak memuaskan. Pengembangan konteks dilakukan melalui ujaran yang terdahulu. Seperti yang diketahui, ujaran yang dilontarkan biasanya berbentuk kesatuan. Hal ini memudahkan proses pentafsiran maksud berlangsung. Dalam konteks kajian ini, pengkaji memperoleh kesatuan daripada maksud keseluruhan dialog yang terdapat di Rajah 1 (Data 2). Seterusnya, konteks yang dibekalkan menghasilkan kesan konteks.

Tiga set andaian dihasilkan, iaitu (1) memarahi seseorang kerana gagal dalam kehidupan, (2) memarahi seseorang kerana gagal sebagai seorang manusia dan (3) mengeluh kerana kegagalan seseorang dalam mencapai matlamat. Andaian (3) merupakan andaian yang paling relevan berbanding andaian-andaian lain. Kesan konteks “mengeluh kerana kegagalan seseorang dalam mencapai matlamat” diperkuuh dengan maklumat tambahan yang diperkatakan dalam ujaran si penutur sebelum itu, iaitu “*Mummy* dah buat macam-macam dah. *Mummy* dah bagi air yasin, kismis nabi...”. Hal ini menunjukkan si ibu telah berbuat pelbagai cara bagi memastikan anaknya berjaya dalam peperiksaan. Ujaran ini menunjukkan kekesalan dan kekecewaan si penutur yang mengukuhkan lagi andaian (3). Tambahan pula, terdapat pengayaan, iaitu maklumat tambahan yang memudahkan mesej untuk disampaikan kepada audiens melalui ujaran selepasnya. Ujaran selepas mempunyai beberapa maklumat tambahan yang boleh menjadi rujukan kepada maksud sebenar yang ingin diketengahkan kepada audiens. Sperber dan Wilson (1999, p. 191) menjelaskan bahawa maklumat baharu bakal memberikan bukti lanjut dan seterusnya menguatkan lagi andaian yang dibina. Bagi dialog antara ibu dan anak ini, maklumat tambahan yang disertakan dalam ujaran selepas ialah “*Mummy* tak redha dengan keputusan yang macamtu”. Oleh itu, andaian (3) adalah relevan dan mempunyai nilai kesahan yang tinggi kerana disokong dengan maklumat tambahan dalam dialog. Menurut Nor Hashimah dan Julaina (2011), maklumat tambahan seperti persekitaran, budaya, latar belakang dan konteks membantu dalam proses penginterpretasian makna dalam sesuatu ujaran. Berdasarkan konteks ujaran yang terdapat dalam Jadual

5 (Data 2), maklumat tambahan yang dibekalkan menyebabkan usaha memprosesnya rendah dan seterusnya dapat difahami oleh pendengar.

Mat Luthfi ingin menyampaikan pendapatnya melalui vlog ini tentang isu yang sering dihadapi oleh pelajar SPM sekiranya mendapat keputusan yang teruk. Anak-anak yang tidak mendapat keputusan yang memuaskan dianggap tidak berguna dan telah mengecewakan ibu bapa. Hal ini hanya dipandang dari sudut ibu bapa yang tidak sedar bahawa anak-anak turut berasa kesal dan kecewa atas keputusan yang mereka peroleh. Di samping itu, beliau mengkritik perbuatan ibu bapa yang memberi makanan “sunnah” kepada anak-anak dan beranggapan bahawa makanan tersebut boleh menjadikan anak-anak mereka bijak. Beliau beranggapan bahawa pelbagai makanan yang diberikan ini tidak mampu menjamin kepintaran anak-anak, tetapi hanya usaha yang tekal dan doa daripada kedua-dua ibu dan bapa yang menjadi pendorong kepada kejayaan anak-anak.

Ayah:	<i>So, lepas ni che nak sambung belajar mana? Daddy tak kisah sebab berdasarkan result SPM che yang cemerlang tu, daddy rasa che dah cukup matang untuk membuat pilihan yang bijak. Daddy tak kisah, nak jadi apa pun tak kisah. So nak jadi apa? Sebenarnya che nak jadi...</i>
Anak:	Doktor ke <i>engineer</i> ?
Ayah:	Atau nak jadi <i>lawyer</i> ? <i>Dentist</i> ke?
Cikgu:	Atau nak jadi arkitek? Boleh design kubur untuk ayah kau. Dok,
Emak:	dok, che nak jadi ustaz.
Anak:	Ustaz? Ustaz? <b>Dapat straight A nak jadi ustaz. (Dapat semua A nak jadi ustaz.)</b>
Ayah:Emak:	Ya Allah, penat-penat belajar nak jadi ustaz.

*Soalan Ramalan Pasca-SPM (2013)*  
*Minit 02:33*

**Rajah 3** (Data 2) Dialog antara ayah dan anak.

Rajah 3 (Data 2) pula merupakan dialog yang berpotensi mengandungi ujaran implisit antara ayah dan anaknya. dalam vlog Mat Luthfi bertajuk “Soalan Ramalan Pasca-SPM”. Berdasarkan situasi dialog tersebut, ayah telah berbual dengan anak lelakinya yang mendapat keputusan SPM yang

cemerlang. Vlog ini juga menyentuh akan pertanyaan daripada keluarga kepada anak-anak tentang hala tuju mereka setelah mendapat keputusan SPM. Hal ini kerana, SPM merupakan peperiksaan terakhir yang perlu diduduki oleh pelajar sepanjang menjadi pelajar sekolah menengah. Setelah mendapat sijil SPM, tamat sudah kehidupan para pelajar sebagai pelajar sekolah dan mereka perlu melangkah ke alam lain seperti alam pekerjaan ataupun menyambung pelajaran kepada tahap yang lebih tinggi di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Oleh sebab itu, Mat Luthfi membuat sebuah video yang memuatkan situasi yang dihadapi oleh pelajar lepasan SPM ketika disoal keluarga tentang cita-cita pada masa hadapan di samping menerapkan nilai moral melalui video yang dihasilkannya.

**Jadual 6** (Data 2) Makna linguistik “Dapat semua A nak jadi ustaz”.

Eksplikatur	Makna Linguistik
Dapat semua A nak jadi ustaz.	<p>Dapat – beroleh, menerima, berjaya, berhasil</p> <p>Semua – sekalian, segala</p> <p>A – gred cemerlang dalam peperiksaan</p> <p>Nak – hendak</p> <p>Jadi – bertukar atau beralih kepada sesuatu keadaan</p> <p>Ustaz – guru agama lelaki</p> <p style="text-align: right;"><i>Kamus Dewan Edisi Keempat (2005)</i></p>

Jadual 6 (Data 2) menerangkan eksplikatur yang dipilih, iaitu ujaran “dapat semua A nak jadi ustaz”. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 312), maksud “dapat”, ialah beroleh, menerima, berjaya dan berhasil. Kata “semua” membawa maksud sekalian dan segala dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 1443). Seterusnya, abjad “A” membawa maksud gred pemarkahan yang cemerlang dalam peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Markah untuk memperoleh gred A merupakan antara 80–89. Perkataan “nak” menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 1067) membawa maksud hendak. Maksud “jadi” menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 595) ialah, bertukar atau beralih kepada sesuatu keadaan. Ustaz dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 1784) menunjukkan guru agama

lelaki. Berdasarkan makna linguistik, maksud bagi ujaran “dapat semua A nak jadi ustaz” membawa makna beroleh segala keputusan cemerlang mahu menjadi guru agama.

**Jadual 7 (Data 2): Analisis TR “dapat semua A nak jadi ustaz”.**

Analisis TR		
Kod	Inferens	Andaian
Ustaz	Ayah terkejut dengan impian anak untuk menjadi ustaz dan berharap akan anaknya melakukan pekerjaan yang setaraf dengan keputusan cemerlang yang dimiliki	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kerjaya sebagai ustaz tidak sepadan dengan keputusan yang cemerlang</li> <li>2. Ustaz mempunyai gaji yang sedikit</li> <li>3. Kerjaya sebagai ustaz tidak menjamin masa depan yang baik</li> </ol>

Dalam Jadual 7(Data 2), pengkaji mendapati ujaran “dapat semua Anak jadi ustaz” mudah difahami kerana proses pengekodan, membuat inferens dan andaian yang terdapat dalam TR. Kod ustaz ditetapkan, manakala inferens merupakan “Ayah terkejut dengan impian anak untuk menjadi ustaz dan berharap anaknya melakukan pekerjaan yang setaraf dengan keputusan cemerlang yang dimiliki”. Tiga set andaian yang dikemukakan, iaitu (1) kerjaya sebagai ustaz tidak sepadan dengan keputusan yang cemerlang, (2) ustaz mempunyai gaji yang sedikit dan (3) kerjaya sebagai ustaz tidak menjamin masa depan yang baik. Andaian (1) paling relevan maka andaian selebihnya digugurkan. Konteks dikembangkan dengan catatan ensiklopedia bahawa keputusan peperiksaan yang cemerlang tidak sesuai untuk menjadi guru agama tetapi sesuai jika melibatkan diri dengan pekerjaan yang kritis seperti doktor, peguam dan sebagainya. Kepercayaan terhadap pemikiran penutur ini disokong dengan maklumat tambahan, iaitu ujaran selepasnya yang dituturkan oleh ibu yang berbunyi “ya Allah, penat-penat belajar nak jadi ustaz”. Hal ini menunjukkan bahawa ibu juga beranggapan bahawa cita-cita menjadi ustaz tidak menguntungkan anaknya setelah penat lelah menuntut ilmu. Melalui analisis TR, makna tersirat yang ingin disampaikan oleh penghasil vlog ini dapat dikaitkan dengan hasrat ayah agar anak mempunyai cita-cita yang setaraf dengan kelayakan. Hal ini terbukti apabila ayah bertanya pada ujaran sebelumnya

kepada anak sekiranya ingin menjadi doktor atau jurutera. Pekerjaan doktor dan jurutera ini dianggap sesuai dengan kelayakan keputusan peperiksaan anaknya berbanding menjadi ustaz. Hal ini turut mengukuhkan lagi andaian awal yang meningkatkan kerelevanannya sesuai andaian yang membantu audiens untuk memproses maklumat.

Melalui dialog yang terdapat dalam Rajah 3 (Data 2), penulis dialog merangkap penghasil video ingin menyampaikan pandangan terhadap campur tangan ahli keluarga melibatkan hala tuju anak pada masa akan datang. Kita sedar bahawa ibu bapa inginkan anak-anak mereka berjaya menjadi insan yang mulia. Maka, mereka menetapkan bahawa pekerjaan seperti doktor dan peguam sebagai pekerjaan yang mulia yang boleh menjamin masa hadapan anak-anak. Namun begitu, mereka tidak sedar akan minat anak yang sebenarnya dan juga kemampuan anak-anak menyebabkan isu ini menjadi perdebatan antara anak-anak dan ibu bapa. Di samping itu, Mat Luthfi cuba mengubah persepsi masyarakat minda kelas ketiga bahawa pekerjaan sebagai ustaz itu merupakan pekerjaan yang tidak menjamin masa hadapan kerana ustaz dikatakan mempunyai minda tertutup dan pendapatan yang rendah. Beliau menyeru supaya bakal ustaz pada masa hadapan menjadi manusia yang mampu menerima pandangan dan mempunyai intelek pada tahap yang tinggi di samping pendapatan yang setimpal dengan gelaran seorang pendidik.

### **Data 3: Analisis TR dalam Vlog “Benda-benda Melayu/Muslim Sebut bila Ramadan”**

Pelajar A:	Mana? Tak nampak bulan pun, kita pakai kalender jelah
Pelajar B:	Apasal pula tak nampak? Aku nampak je.
Pelajar A:	Mana?
Pelajar B:	Cuba tengok betul-betul. *Gambar bendera pas*
Pelajar A:	Uish, uish, uish, ini politik-politik ni, <b>bahaya nanti kena tarik scholarship (biasiswa)</b> .
Pelajar B:	Memain je.

*Benda-benda Melayu/Muslim Sebut bila Ramadan (2014)  
Minit 01:36*

**Rajah 4** (Data 3) Dialog tentang tarikh puasa.

Yang berikut merupakan dialog yang mengandungi elemen implisit, iaitu dialog tentang tarikh puasa antara pelajar A dan pelajar B dalam vlog “Benda-benda Melayu/Muslim Sebut bila Ramadan”. Jelasnya, video pendek yang dihasilkan oleh Mat Luthfi ini menerangkan perkara yang dilakukan oleh orang Melayu atau umat Islam pada bulan puasa. Berdasarkan dialog di atas, dua orang mahasiswa bertengkar mengenai cara menentukan tarikh puasa. Penentuan tarikh puasa sama ada menggunakan kaedah moden atau tradisional menjadi perdebatan antara dua orang pelajar. Namun begitu, beliau menyelitkan sindiran berbaur politik yang akan dihuraikan dengan lebih lanjut melalui ujaran oleh pelajar A.

**Jadual 8 (Data 3) Makna Linguistik “bahaya nanti kena tarik biasiswa”**

Eksplikatur	Makna Linguistik
Bahaya nanti kena tarik biasiswa	Bahaya – sesuatu yang dapat mendatangkan bencana Nanti – waktu yang akan datang, masa kemudian, kelak Kena – ditimpa sesuatu, mendapat (beroleh, diberi, menderita) sesuatu Tarik – ambil Biasiswa – wang yang diberikan kepada pelajar atau membantu membiayai pelajarannya (biasanya di maktab atau di universiti)

*Kamus Dewan Edisi Keempat*

Berdasarkan Jadual 8 (Data 3), ujaran “bahaya nanti kena tarik biasiswa” merupakan ujaran yang berpotensi mengandungi makna tersirat. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 108), kata “bahaya” memberi erti sesuatu yang dapat mendatangkan bencana. Seterusnya, “nanti” menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 1069) membawa maksud waktu yang akan datang, masa kemudian, dan kelak. Selain itu, menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 735), makna bagi kata “kena” ialah sesuatu atau mendapat (beroleh, diberi, menderita) sesuatu. Maksud “tarik” bagi *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 1610) membawa makna ambil. Biasiswa pula merupakan wang yang diberikan kepada pelajar atau membantu membiayai pelajarannya (biasanya di maktab atau di universiti) seperti yang tertera dalam *Kamus Dewan Edisi*

*Keempat* (2013, p. 180). Secara umumnya, ujaran “bahaya nanti kena tarik biasiswa” membawa maksud harus waspada ketika bercakap kerana dikhawatir kelak bantuan pendidikan akan dihentikan oleh pihak berkenaan akibat bantahan atau ketidakakuruan.

**Jadual 9** (Data 3) Analisis TR “bahaya nanti kena tarik biasiswa”.

Analisis TR		
Kod	Inferens	Andaian
Bahaya	Memberi amaran kepada rakan supaya jangan mengkritik kerajaan kerana khuatir biasiswa akan ditarik	<ol style="list-style-type: none"> <li>Suruhan kepada rakan supaya tidak bercakap tentang politik.</li> <li>Sindiran kepada rakan kerana tidak nampak akan anak bulan.</li> <li>Peringatan bahawa pelajar tidak boleh mengutuk pihak berkuasa.</li> </ol>

Melalui analisis TR seperti yang tertera dalam Jadual 9 (Data 3), ujaran “bahaya nanti kena tarik biasiswa” mudah difahami oleh audiens. Kod bahaya ditetapkan dalam analisis TR bagi ujaran tersebut. Inferens yang dihasilkan daripada ujaran tersebut berkaitan dengan amaran kepada rakan supaya jangan mengkritik kerajaan kerana khuatir biasiswa akan ditarik. Untuk mendapatkan maksud selain literal, andaian-andaian dikemukakan. Andaian tersebut digunakan untuk mengembangkan konteks pemula tadi. Andaian (3), iaitu peringatan bahawa pelajar tidak boleh mengutuk kerajaan merupakan andaian yang mempunyai taraf kerelevan yang tertinggi berbanding andaian (1), iaitu suruhan kepada rakan supaya tidak bercakap tentang politik dan andaian (2), iaitu sindiran kepada rakan kerana tidak nampak akan anak bulan. Sesuatu andaian mesti mempunyai perkaitan dengan konteks bagi mewujudkan kesan konteks.

Dalam TR konteks pemula dapat dikembangkan melalui catatan ensiklopedia melibatkan andaian umum tentang sesuatu budaya. Seperti yang diketahui umum, pelajar yang ditaja kerajaan tidak boleh melibatkan diri dalam isu politik terutamanya perbuatan mengkritik kerajaan. Sekiranya mereka melakukan aktiviti berkenaan, bantuan kewangan

yang diberikan ketika belajar akan dihapuskan. Hal ini kerana, biasiswa yang diperoleh merupakan hasil dana yang diberi oleh kerajaan mengikut kelayakan para pelajar. Perkara ini merupakan budaya yang wajib diikuti para pelajar yang ditanggung kos pembelajarannya oleh pihak kerajaan. Andaian (1) dan (2) pula digugurkan kerana dianggap tiada potensi dan lemah berbanding andaian lain. Pengguguran andaian yang tidak relevan menyebabkan usaha memproses menjadi semakin mudah.

Pembuat vlog ingin menyampaikan ketidakpuasan hati beliau tentang halangan campur tangan pelajar dalam hal politik. Beliau beranggapan bahawa penuntut di institusi pengajian tinggi sudah boleh berfikir secara rasional tentang sesuatu perkara terutamanya melibatkan politik. Isu campur tangan politik dalam kalangan mahasiswa tidak seharusnya menjadi isu besar sehingga setengah mahasiswa ditarik biasiswa yang diperoleh kerana mengkritik pemerintah. Penghasil video pendek ini beranggapan bahawa pendapat yang bercanggah daripada semua pihak berkenaan idea yang ditetapkan kerajaan seharusnya diterima dengan positif. Pihak kerajaan seharusnya menjadikan kritikan yang diluhukan oleh mahasiswa sebagai kritikan membina yang mendorong kepada pembentukan inisiatif baru.

Penjual:	Abang nak apa?
Pembeli:	Kasi saya satu sup tulang.
Penjual:	Tulang yang mana?
Pembeli:	<b>Tulang rusuk kiri saya.</b>
Penjual:	Hehehe. *tersenyum tersipu malu*

*Benda-benda Melayu/Muslim Sebut bila Ramadan (2014)*  
*Minit 03:19*

**Rajah 5** (Data 3) Dialog di bazar Ramadan.

Yang Berikut merupakan dialog yang mempunyai potensi tinggi mengandungi ujaran implisit dalam vlog Mat Luthfi yang bertajuk “Benda-benda Melayu/Muslim Sebut bila Ramadan”. Ujaran yang dituturkan oleh pembeli, iaitu “tulang rusuk kiri saya” saya mempunyai makna tersirat yang ingin disampaikan kepada audiens. Pencipta video ini ingin memberi gambaran dialog yang terjadi di bazar Ramadan antara penjual dan pembeli

berlainan jantina. Vlog ini dilakukan untuk tujuan hiburan semata-mata. Namun begitu, beliau ingin menekankan kreativiti masyarakat Melayu dalam penggunaan perkataan bagi menarik perhatian jantina lain.

**Jadual 10** (Data 3) Makna Linguistik “tulang rusuk kiri saya”.

Eksplikatur	Makna Linguistik
Tulang rusuk kiri saya	<p>Tulang – rangka tubuh manusia atau bahagian-bahagiannya            Rusuk – samping, sisi (sebelah badan dan lain-lain)            Kiri – lawan kanan            Saya – ganti nama diri pertama (lebih halus daripada aku), hamba</p> <p style="text-align: right;"><i>Kamus Dewan Edisi Keempat</i></p>

Berdasarkan Jadual 10 (Data 3), eksplikatur yang ditetapkan, ialah ujaran “tulang rusuk kiri saya”. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 1727), maksud “tulang”, ialah rangka tubuh manusia atau bahagian-bahagiannya. Selain itu, kata “rusuk” membawa makna samping dan sisi (sebelah badan dan lain-lain), *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 1359). Sementara itu, perkataan “kiri” menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 795) merupakan lawan kanan. “Saya” menurut *Kamus*

**Jadual 11** (Data 3) Analisis “tulang rusuk kiri saya”.

Analisis TR		
Kod	Inferens	Andaian
Tulang	Pembeli memikat hati penjual	1. Keinginan untuk membeli tulang rusuk bahagian kiri 2. Gemar makan tulang rusuk 3. Cubaan untuk menawan hati

*Dewan Edisi Keempat* (2013, p. 1400) ialah, ganti nama diri pertama (lebih halus daripada aku) ataupun hamba. Maksud ujaran “tulang rusuk kiri saya” secara literalnya berbunyi rangka tubuh manusia yang berada di sisi kiri saya.

Terdapat tiga andaian yang dikemukakan dalam penganalisisan ujaran “tulang rusuk kiri saya”, iaitu (1) keinginan untuk membeli tulang rusuk bahagian kiri, (2) gemar makan tulang rusuk dan (3) cubaan untuk menawan hati. Berdasarkan andaian tersebut, maksud sebenar yang hendak dikemukakan ialah pembeli itu cuba untuk memikat hati pelanggan. Perkara ini tidak dinyatakan secara langsung oleh pembeli tersebut. Pembeli menggunakan perumpamaan “tulang rusuk kiri” ketika berbual untuk menarik perhatian penjual. Pengkaji berpendapat bahawa andaian (3), iaitu cubaan untuk menawan hati merupakan andaian yang mempunyai nilai optimum yang tinggi. Kerelevanan andaian (3) sebagai maksud sebenar dibuktikan melalui informasi lanjutan konteks ujaran ini.

Konteks dikembangkan melalui catatan ensiklopedia mengenai perumpamaan “tulang rusuk kiri”. Seperti yang diketahui masyarakat Melayu Islam, terdapatnya hadis yang mengatakan bahawa kaum hawa ini diciptakan daripada tulang rusuk. Namun begitu, terdapat percanggahan pendapat bahawa tulang rusuk ini hanyalah metafora untuk mengatakan bahawa perempuan ini bengkok (tidak lurus) yang perlu dibimbing oleh lelaki agar menjadi lurus. Lurus yang dimaksudkan, ialah berada di jalan yang benar mengikut syarak. Hadis yang dikatakan tidak sahih atau tiada pembuktian yang kukuh, ialah wanita diciptakan dari tulang rusuk lelaki. Kekeliruan maklumat dan tanggapan masyarakat mengenai isu kaum perempuan dihasilkan daripada tulang rusuk lelaki menyebabkan perumpamaan ini menjadi sebat dengan masyarakat Melayu. Namun begitu, ujaran untuk memikat ini hanya digunakan oleh sesetengah lelaki, iaitu lelaki yang dilabelkan sebagai lelaki tipikal Melayu Islamik. Mereka sering menggunakan kata “tulang rusuk kiri bergetar” atau “awak tulang rusuk kiri saya” kepada perempuan yang dianggap berkemungkinan bakal isteri atau jodoh mereka. Perkara ini turut menjadi trend dan menular di sosial media sehingga menjadi ayat wajib digunakan oleh lelaki untuk menarik minat perempuan Melayu.

Pertentangan andaian (1) dan (2) dengan maklumat konteks menyebabkan andaian-andaian tersebut digugurkan. Sejurusnya andaian yang kurang relevan digugurkan, usaha untuk memproses yang diperlukan audiens menjadi semakin mudah.

Berdasarkan vlog yang dihasilkan, Mat Luthfi ingin menekankan keunikan dan kreativiti lelaki Melayu dalam memikat hati perempuan. Selain perbuatan, ujaran berbentuk perumpamaan turut digunakan lelaki Melayu bagi memastikan perempuan yang diminati cair dan tergoda dengan usaha mereka. Hal ini turut menunjukkan kehebatan lelaki Melayu dalam perbuatan memikat perempuan.

## KESIMPULAN

TR jelaslah dapat membantu proses komunikasi antara penutur dan pendengar bagi mendapatkan mesej sebenar yang ingin disampaikan. TR bukan sahaja mampu menginterpretasi bahasa figuratif malahan juga boleh menginterpretasi dialog berbaur implisit yang diutarakan oleh penutur kepada pendengar. Hal ini juga menunjukkan, kata-kata yang dilontarkan perlu diambil kira bukan sahaja dari sudut semantik malahan sudut pragmatik. Berdasarkan hasil kajian, jelas dilihat bahawa kehadiran kod, inferens, dan andaian serta fungsi konteks, kesan konteks dan usaha pemprosesan dalam TR dapat digunakan untuk memudahkan tafsiran ujaran bagi memperoleh makna ungkapan yang sebenar. Setelah konteks dikembangkan, pendengar kemudiannya perlu memastikan konteks yang dibekalkan tersebut berjaya untuk menghasilkan kesan kognitif. Kesimpulannya, dapat disimpulkan bahawa semakin relevanlah sesuatu andaian tersebut sekiranya mempunyai banyak kesan konteks. Namun begitu, kos memproses maklumat juga perlu dititikberatkan bagi memperoleh mesej yang ingin disampaikan oleh penutur dengan lebih mudah. Kerelevan sesuatu ujaran itu bergantung pada usaha memproses maklumat sekiranya tinggi atau rendah. Hal ini kerana, semakin rendah usaha memproses maklumat, maka semakin relevan sesuatu ujaran tersebut.

## RUJUKAN

- Blakemore, D. (1992). *Understanding Utterances*. Oxford: Blackwell.
- Jenny, T. (1995). *Meaning in Interaction: An Introduction to Pragmatics*. London: Longman.
- Kamus Dewan*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* (Edisi Keempat) (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

JULAINA NOPIAH DAN NUR MAIZATUL MAISARAH NASRONG

- Mary Fatimah Subet & Nor Hashimah (2014). Mengalami dan Menghayati Makna Kemiskinan melalui Bahasa. *Jurnal Bahasa*, 14(1): 28–44.
- Mary Fatimah Subet. (2018). Analisis Teori Relevans dalam Metafora. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 159–188.
- Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Metafora Kritikan dalam Mitos Peminangan Puteri Gunung Ledang: Analisis Pragmatik. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 11(1): 23–50.
- Maizura & Nor Hashimah. (2020). Pengabsahan Mitos Kegagahan Badang Melalui Metafora: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa* 20(1), 49–78.
- Mat Luthfi. (2014). *Catatan Matluthfi*. Kuala Lumpur: Puteh Press.
- Mat Luthfi. (2015). *Momen2 Matluthfi*. Kuala Lumpur: Puteh Press.
- Mat Luthfi. (2016). *Kisah 25 Filsuf Barat*. Kuala Lumpur: Puteh Press.
- Mat Luthfi. (2017). *Alegori Rumah Api*. Kuala Lumpur: Puteh Press.
- Mat Luthfi. [matluthfi90]. (2011, 8 Februari). Typical Local Film/Drama Scenes [Fail Video]. Akses daripada <https://www.youtube.com/watch?v=DIp2cy8DRgQ&t=15s>
- MatLuthfi. [matluthfi90]. (2013, 31 Mac). Soalan Ramalan Pasca-SPM [Fail Video]. Dicapai dari <https://www.youtube.com/watch?v=KP7H0XsyKbc&t=176s>
- Mat Luthfi. [matluthfi90]. (2014, 5 Julai). Benda-benda Melayu/Muslim Sebut bila Ramadan [Fail Video]. Akses daripada <https://www.youtube.com/watch?v=s-fR-z1c67A&t=200s>
- Mat Luthfi. [matluthfi90]. (2017, 24 Februari). Sherloq-laq [Fail Video]. Dicapai dari [https://www.youtube.com/watch?v=\\_hf\\_nHtKHwM&t=8s](https://www.youtube.com/watch?v=_hf_nHtKHwM&t=8s)
- Mat Luthfi. [matluthfi90]. (2018, 2 Mei). Haji Bakhil, Labu, dan Ejen Takaful [Fail Video]. Akses daripada <https://www.youtube.com/watch?v=ETTR163Fs9w&t=117s>
- Morris, C. W. (1938). Foundations of the Theory of Signs. *International Encyclopedia of Unified Science* (pp. 1–59). Chicago University Press.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2004). Penterjemahan Simpulan Bahasa Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevans. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 12(2), 143–149.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Bahasa dalam Perniagaan: Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Julaina Nopiah. (2011). Penggunaan Tatabahasa Remaja Malaysia: Analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 11(1), 311–327.
- Norhasliza Ramli dan Zeckqualine Melai. (2016). Imbuhan Ter- dari Perspektif Teori Relevans. *e-BANGI*, 11, 145–162.
- Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin (2016). Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi dan Semantik. *Jurnal Komunikasi*, 32(1), 189–206.

JURNAL BAHASA JILID 20 BIL. 2 DISEMBER 2020

- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1999). *Relevans Komunikasi dan Kognisi*. (Terjemahan oleh Nor Hashimah Jalaluddin). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid. (Julai 1991). Pentafsiran Makna: Pragmatik sebagai Kaedah yang Lebih Lengkap. *Jurnal Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Diperoleh (*received*): 25 Jun 2020

Diterima (*accepted*): 24 November 2020